

01 SEP 1999

ALIRAN KELUAR-TAK BERASAS

TIADA PENGALIRAN KELUAR DANA, NUJUM-NUJUM HITAM MENYEPI

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Semua kejutan dan kegusaran terhadap pengaliran keluar dana-dan ekuiti tidak menjadi kenyataan hari ini apabila pengaliran tersebut tidak kunjung tiba manakala nujum-nujum hitam menyepi terhadap apa yang pastinya merupakan kejahilan mereka mengenai asas-asas ekonomi Malaysia.

Berkuat kuasa mulai hari ini, dana-dana portfolio yang memasuki Malaysia pada 1 Sept tahun lalu atau lebih awal boleh dihantar pulang tanpa sebarang levi.

Tidak syak lagi, pembatalan moratorium mengenai penghantaran pulang modal portfolio hari ini tidak penting kerana pemulihan ekonomi Malaysia, yang terbukti oleh pertumbuhan 4.1 peratus dalam suku kedua, meletakkan ekonomi berkeadaan baik untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejutan.

Sungguhpun Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup lebih rendah hari ini sebanyak 14.15 mata kepada 752.91, tidak terdapat penjualan besar dan kebimbangan sebelum ini terhadap pengaliran keluar besar-besaran tidak berasas sebahagian besarnya, memandangkan jumlah penjualan yang sederhana dalam pasaran hari ini.

Para penganalisis dan di kalangan pembrokeran saham menyifatkan tarikh akhir itu dan kedudukan pasaran hari ini sebagai tidak penting.

Terdapat kesan yang kecil atau tiada kesan ke atas BSKL dan para peniaga menganggap penutup pasaran yang lebih rendah itu dikaitkan dengan pengaruh negatif daripada pasaran semalaman di Wall Street yang lebih rendah.

Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini mengumumkan bahawa sejumlah AS\$328 juta dana portfolio dihantar pulang daripada negara ini hari ini, satu jumlah yang disifatkan sebagai kecil.

Terdapat juga berita baik hari ini apabila Malaysia melaporkan lebih dagangan 21 bulan berturut-turut sebanyak RM5.8 bilion, kerana pertumbuhan yang lebih cepat dalam eksport berbanding import, yang kata para peniaga mencerminkan asas-asas ekonomi yang meningkat.

Datuk Megat Najmuddin Khas, presiden Persekutuan Syarikat-syarikat Senarai Awam (FPLC), merujuk kepada pembatalan peraturan mengenai penghantaran pulang modal hari ini sebagai tidak penting, terutamanya berhubung dengan ekuiti dalam negeri dan pasaran wang.

"Saya tidak melihat sebarang kejatuhan di pasaran saham hari ini. Tentulah, dengan kawalan matawang berpilih-pilih, ia (pengaliran keluar dana asing) tidak akan mempunyai sebarang kesan ke atas ringgit juga," katanya.

Najmuddin berkata ini telah membuktikan mereka yang sangsi itu silap yang sebelum ini meramalkan bahawa pasaran ekuiti akan menyaksikan kejatuhan besar-besaran harga saham hari ini apabila peraturan mengenai modal portfolio berakhir.

"Jika ia tidak penting hari ini, saya tidak fikir ia sebaliknya hari-hari akan datang," kata Najmuddin. "Memandangkan senario kini, saya tidak melihat sebarang perubahan. Jika adapun, perubahan adalah positif dan pasaran akan meningkat."

Mengenai jumlah dagangan yang kecil di BSKL, Najmuddin berkata pelabur-pelabur pasaran berkemungkinan mengambil sikap tunggu dan lihat.

Katanya mereka berkemungkinan menunggu pengumuman mengenai pilihan raya umum.

"Satu lagi faktor adalah matawang, yang mana ringgit -- kepada fikiran

kebanyakan peniaga matawang -- bernilai rendah pada paras ditetapkan sekarang RM3.80 setiap dolar AS apabila dibandingkan dengan baht Thai atau malahan kepada rupiah Indonesia," kata beliau.

Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat korporat kepada SungeiWay Group of Companies dan bekas tokoh bank, berkata kini jelas bahawa semua kejutan yang dihebahkan oleh para penganalisis asing tidak benar.

"Ia menunjukkan betapa pentingnya bergantung kepada sumber-sumber kita sendiri dan tidak menghiraukan para penganalisis asing yang ketara mempunyai kepentingan mereka sendiri untuk digalakkan," kata Navaratnam.

Nampaknya, para pelabur yang gementar, telah membawa keluar dana-dana portfolio mereka selepas 15 Feb tahun ini, dan hanya mereka yang amat yakin terhadap asas-asas dan prospek ekonomi Malaysia tidak berganjak.

"Mereka tidak syak lagi akan mendapat keuntungan oleh sikap pertimbangan mereka yang baik," katanya.

Bagaimanapun, katanya Malaysia mungkin perlu mengkaji semula menurun levi 30 peratus ke atas keuntungan yang dikenakan ke atas pelaburan pada 15 Feb 1999.

"Levi 30 peratus itu mungkin terlalu tinggi apabila dibandingkan dengan ketiadaan sebarang levi di negara-negara jiran. Bagaimanapun, kita terpaksa bersaing dengan dana-dana portfolio asing," katanya.

Oleh kerana dana-dana yang dibawa masuk pada atau selepas 15 Feb 1999, tempoh sehingga satu tahun daripada tarikh keuntungan itu dibuat adalah tertakluk kepada levi 30 peratus.

Levi itu akan dikurangkan kepada 10 peratus jika keuntungan dihantar pulang selepas setahun daripada tarikh keuntungan itu diraih.

"Saya percaya bahawa pasaran saham akan mengukuh kerana dana-dana asing akan terus mengalir masuk," katanya.

Bekas timbalan gabenor BNM Tan Sri Dr Lin See Yan berkata ulangtahun pengenaan kawalan modal berpilih-pilih itu nampaknya tidak penting lagi.

"Saya harus menegaskan bahawa dua fakta maklumat tidak difahami oleh banyak orang.

"Iaitu, mulai 1 Sept, 1999 kawalan tukaran wang ke atas modal portfolio asing dibatalkan bagi tujuan yang praktikal," tambah beliau.

Tambahnya bahawa sekatan kuantitatif September 1998 telah diganti dengan berkesannya oleh sekatan berasaskan harga, yang pada asasnya ialah cukai keuntungan modal yang pertama kali diperkenalkan pada Feb tahun ini dan yang dengan jelas disukai.

Dr Lin juga berkata sekatan berasaskan harga tidak diguna pakai kepada sama ada modal yang digunakan atau bukan keuntungan yang diperolehi selagi keuntungan itu tidak dihantar pulang.

"Cukai "keuntungan modal" berasaskan masa itu hanya diguna pakai apabila keuntungan dihantar pulang. Keuntungan yang dibuat dan disimpan di Malaysia tidak tertakluk kepada cukai keuntungan modal," tegasnya.

Mulai hari ini, tiada sekatan kawalan tukaran wang ke atas pengaliran keluar modal portfolio asing. Hanya terdapat cukai ke atas keuntungan yang dihantar pulang, yang bukan asasnya perkara kawalan tukaran wang.

Seorang penganalisis broker saham yang enggan namanya disebut berkata Malaysia boleh menahan sebarang pengaliran keluar modal selepas 1 Sept kerana nisbah mudahturnainya adalah di antara yang tertinggi di dunia kerana rizab negara ini berjumlah AS\$32.3 bilion, satu jumlah yang mencukupi untuk membiayai tujuh bulan import tertanggung.

Katanya bahawa "sejumlah dana portfolio mungkin keluar tetapi kami tidak fikir ia akan menjadi penting dan sesuatu yang perlu dibimbangi. Sesetengahnya pula mungkin membawa keluar wang mereka, yang lain tidak tergesa-gesa."

Dengan ramalan masa depan yang cergas ekonomi dan pemulihan BSKL ke dalam Indeks Pasaran Bebas Pasaran Sedang Muncul Morgan Stanley Capital

International (MSCI) mulai Feb 2000, bursa tempatan bersedia untuk terus meningkat, katanya.

"Yang menariknya, kesemua kebimbangan mengenai 1 Sept adalah tidak berasas kerana pasaran saham adalah baik," kata penganalisis itu. "Bila ada keuntungan untuk diraih di negara ini, tiada sebab bagi pelabur-pelabur asing menarik diri daripada pasaran."

Katanya terdapat juga pelabur-pelabur yang menukar pelaburan mereka kepada saham yang disenaraikan di dalam indeks MSCI, yang juga merupakan saham-saham mewah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa sekatan ke atas aliran keluar tukaran wang asing adalah perlu untuk melindungi pasaran saham Malaysia dan ringgit terhadap serangan spekulatif dan membuka jalan bagi pemulihan ekonomi.

Tetapi dengan keputusan itu, Dr Mahathir dikecam hebat di dalam akhbar antarabangsa dan kutukan itu berterusan tidak reda hampir setahun.

Hanya baru-baru ini yang pandangan mengenai kawalan matawang telah berubah lebih baik di kalangan penganalisis asing. Terdapat kesanggupan yang lebih besar untuk mengakui bahawa kawalan modal adalah wajar dan mungkin merupakan alat dasar yang berdaya maju dalam keadaan krisis.

-- BERNAMA

TM SHY OS